



**MEMO PERHUBUNGAN
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR**

DARIPADA	KJHEP, POLITEKNIK JELI	TARIKH	15 MAC 2026
		RUJUKAN	PJK.J05.700-7/1/1(30)
KEPADA	PELAJAR POLITEKNIK JELI KELANTAN		
SALINAN	PENGARAH, TP, TPA, PA & KU KESELAMATAN		
PERKARA	AMARAN KERAS: PENYALAHGUNAAN ALAT PEMADAM KEBAKARAN DAN LOCENG PENGGERA DI KOLEJ KEDIAMAN PJK		

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak PJK memandang serius kejadian penyalahgunaan alat pemadam kebakaran dan loceng penggera yang telah berlaku di kawasan kolej kediaman. Perbuatan ini adalah satu kesalahan berat kerana boleh mengganggu tindak balas kecemasan sebenar, merosakkan kemudahan keselamatan serta membahayakan nyawa penghuni.

3. Sehubungan itu, semua pelajar adalah **DILARANG SAMA SEKALI** daripada menyentuh, mengaktifkan, memindahkan, merosakkan atau menyalahgunakan alat pemadam kebakaran dan loceng penggera tanpa sebab kecemasan yang sah. Mana-mana pelajar yang didapati terlibat akan dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB MAKSIMUM**, termasuk digantung pengajian atau dibuang daripada kolej kediaman. Pihak PJK juga tidak teragak-agak untuk menyerahkan kes kepada pihak berkuasa bagi tindakan undang-undang, termasuk tuntutan ganti rugi atas kerosakan yang berlaku.

5. Memo ini merupakan **AMARAN KERAS** kepada semua pelajar PJK. Sebarang pelanggaran selepas tarikh memo ini dikeluarkan akan dianggap sebagai kesalahan serius. Kerjasama semua pelajar dalam memelihara keselamatan bersama adalah diwajibkan.

Sekian.


(NAWAWI BIN ISMAIL)
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Jeli Kelantan